

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 JUN 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Najib hails 3 scientists	New Straits Times
2.	Mara-TPM bina Taman Pendidikan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur	Utusan Malaysia
3.	Pembenihan awan berjaya di dua lokasi	Berita Harian

Najib hails 3 scientists

RECOGNITION: PM praises local professors for being in world's most influential scientific minds list

FAZLEENA AZIZ

KUALA LUMPUR

fazleena@mediaprima.com.my



Prof Dr Abdul Latif Ahmad from USM



Prof Dr Saidur Rahman Abdul Hakim from UM



Prof Dr Ishak Hashim from UKM

THE achievements of three Malaysian academicians listed among The World's Most Influential Scientific Minds: 2014 was hailed by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak.

"Congrats to our 3 M'sian profs (professors) on the most influential scientific minds list! We need people like you on social media", he said in his Twitter posting.

Business information firm Thomson Reuters listed the three in a report entitled "The World's Most Influential Scientific Minds: 2014".

The three are Prof Dr Abdul Latif Ahmad from Universiti Sains Malaysia's School of Chemical Engineering, Prof Dr Saidur Rah-

man Abdul Hakim from Universiti Malaya's Faculty of Engineering and Prof Dr Ishak Hashim from Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Science and Technology.

Abdul Latif, whose field of expertise includes membrane technology and wastewater engineering, said his recognition was a result of the grants provided by the government and Ministry of Science, Technology and Innovation for research universities.

He said the accreditation would boost the research field in the country.

"It is clear that our researches had made an impact among the research community around the world through citations and rankings, but any research carried out should be relevant to the time and the people," said Abdul Latif.

Saidur said he was honoured that scientists around the world were using their works and getting benefit for new findings.

Thomson Reuters said the academicians listed were distinguished by the highest number of articles published and ranked among those most frequently cited by fellow researchers.

Mara-TPM bina Taman Pendidikan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 27 Jun - Mara akan membangunkan Taman Pendidikan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur (KL International Edu Business Park) di Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, taman pendidikan itu akan dibangunkan kampus Universiti Kuala Lumpur (UniKL), menara korporat, kemudahan residensi, lot-lot perniagaan dan sebuah hospital penyelidikan.

Menurut beliau, pembinaan kampus induk UniKL yang dijangka mampu menempatkan sehingga 10,000 pelajar itu melibatkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.3 bilion.

Jelasnya, kerjasama strategik antara Mara dan Perbadanan Taman Teknologi Malaysia (TPMC) itu adalah melalui pajakan kecil tanah seluas 9.6 hektar melibatkan pembayaran berjumlah RM49 juta kepada TPMC.

"Pembangunan Kampus Induk UniKL ini adalah sejajar dengan pelan transformasi UniKL yang turut dikenali sebagai 'WE4ASIA' iaitu satu strategi peningkatan kualiti UniKL secara

menyeluruh dengan sasaran untuk menjadi salah sebuah universiti terbaik di Asia menjelang 2020," katanya selepas menyaksikan majlis MoA antara Mara dan TPM yang diwakili Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd. Azman Shahidin.

Dalam pada itu, Mohd Shafie berkata, kerjasama strategik di antara Mara dan TPMC itu turut menyasarkan peningkatan enrolmen pelajar di UniKL kepada 50,000 pelajar berbanding 25,000 pelajar pada masa ini.

Katanya, peranan UniKL sebagai 'Apex' kepada Pendidikan Vokasional, akan terus dipertingkatkan dengan penawaran kursus-kursus teknikal serta vokasional di peringkat lebih tinggi termasuk menggalakan lebih banyak penyelidikan dalam bidang itu.

Ini termasuk dalam bidang-bidang baharu seperti teknologi landasan, minyak dan gas, teknologi pertanian, teknologi pembangunan perkhidmatan hospitaliti dan runcit.

Jelas beliau, program-program baharu ini akan ditawarkan di kampus Induk UniKL di

TPM dan juga beberapa kampus cawangan baharu yang akan dicadangkan termasuk di Perlis, Sabah, Negeri Sembilan serta di negeri-negeri Pantai Timur.

"UniKL akan memanfaatkan kemudahan penyelidikan yang terdapat di TPM dan kerjasama ini telah pun terjalin melalui beberapa projek penyelidikan yang telah dimeterai dengan yang terbaharu iaitu projek *Consultancy Research on Smart and Flexible Manufacturing System* di antara UniKL dan TPM.

"UniKL akan membantu dari aspek penjenamaan semula kolej tersebut termasuk merangka pelan jangka panjang dan dijadikan sebahagian daripada keluarga besar UniKL dengan penawaran kursus-kursus strategik termasuk program-program persediaan, persijilan profesional dan Diploma yang bersesuaian dengan program sedia ada dan kemudahan yang terdapat di Kolej TPM," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, UniKL juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memindahkan salah sebuah kampus cawangannya yang tidak beroperasi di atas premis tetap (menyewa) dalam masa terdekat ke Kolej TPM.



IBRAHIM Ahmad (kiri) bertukar dokumen MoA Taman Pendidikan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur dengan Mohd. Azman Shahidin sambil disaksikan Mohd Shafie Apdal, Khairy Jamaluddin dan Yussoff Dohab (tiga, kiri) di Kuala Lumpur, semalam.

Pembenihan awan berjaya di dua lokasi

» Operasi dekat empangan punca hujan lebat di Lembah Klang

Oleh Siti Nursyazwani Mahalil
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang menjalankan operasi pembenihan awan kelmarin sekali lagi berjaya mencetuskan hujan di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang.

Timbalan Ketua Pengarah

Cuaca dan Iklim, MetMalaysia, Alui Bahari, berkata operasi dilakukan di dua kawasan bertujuan meningkatkan paras air di empangan yang dilaporkan semakin menyusut.

Pembenihan awan

“Semalam (kelmarin), kami menjalankan operasi pembenihan awan di kawasan empangan Sungai Selangor dan Sungai Langat pada jam 2 hingga 4.20 petang atas permintaan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

“Operasi dilakukan memandangkan taburan hujan semakin berkurangan dipercayai kesan fenomena El Nino,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Alui berkata, pihaknya sentiasa memantau keadaan cuaca bagi menjalankan operasi

pembenihan awan untuk mengurangkan kesan fenomena berkenaan yang menyebabkan cuaca panas dan kering.

“Tetapi, hari ini (semalam)

“

Operasi dilakukan memandangkan taburan hujan semakin berkurangan dipercayai kesan fenomena El Nino”

Alui Bahari, Timbalan Ketua Pengarah Cuaca dan Iklim, MetMalaysia

kami tidak dapat meneruskan operasi memandangkan keadaan cuaca dan awan yang tidak sesuai,” katanya.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel dalam kenyataannya, berkata Pusat Meteorologi Khas Asean (ASMC) kelmarin mengesan 37 titik panas di Sumatera, Indonesia.

12 titik panas dikesan

“Titik panas berkenaan dikesan di Sumatera berikutan faktor litupan awan. Sebanyak 12 titik panas dikesan dalam negara iaitu di Pahang.

“Semua titik panas yang dikesan dalam negara disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya,” katanya.

Peta jerebu serantau yang dikeluarkan ASMC menunjukkan masih terdapat lingkaran asap jerebu sederhana dari kawasan kebakaran di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia.

Kesannya tiupan angin dari arah barat daya membawa asap jerebu sederhana ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia.